



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 18 OGOS 2025 (ISNIN)

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar **dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam **Kod Bidang 050101** dan **050102** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
1.	[FTA (CPTTP)] Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah 26 Unit Peralatan Perubatan <i>Low Temperature Steriliser</i> Untuk Kegunaan Perkhidmatan Pensterilan Berpusat Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Kontrak Selama Dua (2) Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: https://www.moh.gov.my) dan MyProcurement [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG] No. Tender : QT250000000021263	159/2025	Tarikh : 20 Ogos 2025 (Rabu) Masa : 9.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat 5 (Ibnu Al-Haitham), Aras 1, Bahagian Perkembangan Perubatan Blok E1, Kompleks E, Kementerian Kesihatan Malaysia, 62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya Nota: Sila bawa sijil asal, salinan sijil serta cop syarikat.	1. Petender DIWAJIBKAN untuk menghadiri sesi taklimat tender. 2. Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTTP seperti berikut: (i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan; (ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/ nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak sehingga 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa; (iii) Harga yang ditawarkan pembida adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (<i>Margin Of Preference -MOP</i>); dan (iv) Program Kolaborasi Industri (ICP) (jika berkaitan)	Secara ePerolehan
* PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG <u>TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN</u>					

Telecenter:

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **18 Ogos 2025 (Isnin)** dengan melayari www.eperolehan.gov.my.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **29 September 2025 (Isnin), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia**